



**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN MAJLIS ANUGERAH MEDIA
“PERKESO SELAMANYA MELINDUNGIMU” 2025**

SYARAT-SYARAT UMUM PENYERTAAN

1. Kandungan karya mestilah menonjolkan secara jelas peranan, sumbangan atau impak keselamatan sosial, termasuk inisiatif dan usaha PERKESO dalam melindungi rakyat.
2. Karya yang dipertandingkan hendaklah telah diterbitkan atau disiarkan dalam tempoh **15 Jun 2024 hingga 31 Ogos 2025** dan perlu dihantar kepada Sekretariat Anugerah Media PERKESO 2025, Malaysian Press Institute (MPI) untuk dinilai.
3. Setiap peserta hanya dibenarkan menyertai maksimum dua (2) kategori, dengan syarat karya yang dihantar adalah berbeza bagi setiap kategori.
4. Artikel/Karya dalam Bahasa Cina atau Tamil mestilah disertakan terjemahan lengkap dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan tidak berbentuk advertorial berbayar (media buy) atau bersifat promosi berbayar.
5. Format penghantaran bahan adalah seperti berikut:
 - a. Fotografi: JPEG atau PNG
 - b. Keratan akhbar: PDF
 - c. Video: MP4 (Resolusi minimum 720p, digalakkan 1080p)
6. Semua bahan penyertaan dan dokumen sokongan yang dihantar akan menjadi hak milik PERKESO sepenuhnya dan boleh digunakan untuk tujuan promosi atau dokumentasi rasmi agensi.
7. Setiap wartawan/anggota media hendaklah mengemukakan kad media yang sah daripada Jabatan Penerangan Malaysia, manakala yang berstatus sambilan (stringer) perlu menyertakan surat pengesahan jawatan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarang atau Bahagian Sumber Manusia organisasi media masing-masing.

8. Wartawan sambilan, jurugambar sambilan, jurukamera sambilan, pereka grafik sambilan, dan penyunting video sambilan yang mewakili mana-mana organisasi media berdaftar juga layak menyertai pertandingan ini.
9. Bahan penyertaan hendaklah telah diterbitkan melalui mana-mana platform media cetak, elektronik atau digital di bawah organisasi media yang berdaftar dan tempat peserta berkhidmat, dalam tempoh yang telah ditetapkan. Karya yang dihantar mestilah asli, bukan saduran atau plagiat, dan dimiliki sepenuhnya oleh peserta atau organisasi media yang diwakili.
10. Penyertaan mestilah dikemukakan secara teratur dan mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam borang permohonan rasmi dan setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan pengakuan dan pengesahan rasmi daripada Ketua Pengarang atau pengurusan tertinggi agensi media berkenaan.
11. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) yang bekerja sepenuh masa, separuh masa atau sambilan sebagai wartawan, jurugambar, jurukamera, pereka grafik, atau penyunting video di mana-mana organisasi media cetak, elektronik atau digital yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
12. Keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.